

*DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS*

*daripada:  
Setiausaha  
Dewan Undangan Negeri  
Terengganu.*

BERKAS TULUS IKHLAS

Terengganu,  
Dewan Undangan Negeri  
Setiawan,  
Kempas

Hari Ahad  
9 September 1990  
19 Safar 1411

KANDUNGAN

1. Nama ahli-ahli [ Muka 1 ]
2. Doa [ Muka 5 ]
3. Ahli Baru Mengangkat Sumpah [ Muka 5 ]
4. Titah Ucapan Di Raja [ Muka 7 ]

#####



9 September 1990

DEWAN UNDANGAN NEGERI MULAI BERSIDANG PADA PUKUL  
9.30 PAGI.

HADIR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

Dato' Engku Bijaya Sura,  
DPMT., AMN., PJC., PJK., BLB.  
(Dato' Syed Omar bin Mohamad)  
(WAKIL PAKA)

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR

Dato' Seri Amar Di Raja,  
SSMT., PSM., SPMT., DA., DPMJ., KMN., JP., PJK.,  
(Dato' Seri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad)  
(WAKIL CUKAI)

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Daud,

DSMT., DSAP., DPMT., JMN., PJC., PJK.,  
(WAKIL LADANG)

" " Dato' Haji Ahmad Sidi bin Haji Ismail,  
DPMT., KMN., JP., PJC., PJK.  
(WAKIL TELEMONG)

" " Dato' Haji Abd.Rashid bin Ngah,  
DPMT., JSM., PJC., PJK.  
(WAKIL SEBERANG TAKIR)

" " Dato' Tok Teng Sai,  
DPMT., ASM., AMN., PJK.  
(WAKIL BANDAR)

" " Dato' Haji Wan Zakaria bin Abd.Rahman,  
DPMT., ASM., PJC., PJK., PPN.  
(WAKIL KUALA BESUT)

" " Haji Muda bin Mamat, SMT., PJK., PPN.  
(WAKIL BINJAI)

" " Haji Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman,  
ASM., SMT., PJK.  
(WAKIL LANGKAP)

" " Haji Muda bin Abdullah, SMT., AMN., JP., PJK.  
(WAKIL JERANGAU)

9 September 1990

- Yang Berhormat Mulia Dato' Haji Tengku Mahmud bin Mansor, DPMT.,KMN.,JP.,PJC.,PJK.  
(WAKIL PERMAISURI)
- " " Dato' Haji Abd.Muttalib bin Haji Saïleh, DPMT.,AMN.,JP.,PJK.  
(WAKIL BATU BURUK)
- " " Haji Wan Ibrahim bin Wan Othman, AMT.,AMN.,PJC.,PJK.  
(WAKIL BATU RAKIT)
- " " Dato' Haji Abd. Rashid bin Muhammad, DPMT.,AMN.,PJK.  
(WAKIL TEPOH)
- " " Haji Ahmad Kassim bin Endut, AMT.,JP.,PJK.,PPN.  
(WAKIL BUKIT TUNGGAL)
- " " Haji Hassan bin Haji Said, AMT.,AMN.,PJK.  
(WAKIL JABI)
- " " Haji Mustafa bin Muda, AMT.,AMN.,JP.,PJK.,PPN.  
(WAKIL TANGGUL)
- " " Haji Harun bin Ali, AMT.,AMN.,PJK.  
(WAKIL MERCANG)
- " " Haji Abdullah bin Muhamad, AMT.,PJK.  
(WAKIL KAMPUNG RAJA)
- " " Wan Muda bin Mohd.,PPN.,PJK.  
(WAKIL KUALA BERANG)
- " " Encik Harun bin Hassan, AMN.,PJK.  
(WAKIL BUKIT BANDI)
- " " Haji Awang Abu Bakar bin Sulong, AMT.,PJK.  
(WAKIL MANIR)
- " " Haji Abdul Majid bin Ahmad, AMN.,PJK.  
(WAKIL JERTIH)
- " " Haji Yusof bin Musa, AMN.,PJK.  
(WAKIL SERADA)
- " " Encik Ibrahim bin Awang, PJK.  
(WAKIL SURA)

9 September 1990

- Yang Berhormat Encik Abu Bakar bin Ali,  
AMN., PJK.  
(WAKIL KEMASIK)
- " " Encik Mazlan bin Awang,  
AMN., PJK.  
(WAKIL BUKIT PAYUNG)
- " " Haji Daud bin Abu Bakar, PJK.  
(WAKIL HULU BESUT)
- " " Encik Ahmad bin Said, PJK.  
(WAKIL KIJAL)

TIDAK HADIR

- " " Haji Abd.Hadi bin Haji Awang  
(WAKIL RU RENDANG)
- " " Haji Mustafa bin Ali  
(WAKIL WAKAF MEMPELAM)
- " " Haji Harun bin Taib  
(WAKIL TELOK PASU)

HADIR menurut Fasal XIII(3) Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

YANG BERTAHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

- Dato' Setia Wangsa,  
SPMT.,DSMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
(Dato' Haji Abdul Rahman bin Nasir)
- " " PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Encik Abdul Kadir bin Musa,
- " " PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
Dato' Bentara Luar,  
DSMT.,DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
(Dato' Haji Omar bin Pilus)

TURUT HADIR:

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Osman bin Muda, PJK.,  
(Pegawai Tadbir Negeri).

9 September 1990

Yang Berhormat Enk Anwar bin Ali  
 AMN. PK.  
 (WAKIL KEMASING)  
 Enk Marjan bin Awang  
 AMN. PK.  
 (WAKIL BUKIT PAYUNG)  
 Haji Saad bin Abu Bakar, PK.  
 (WAKIL BULU BESUT)  
 Enk Ahmad bin Saib, PK.  
 (WAKIL KILANG)

TIDAK HADIR

Haji Abd. Hadi bin Haji Awang  
 (WAKIL KU KEMANG)  
 Haji Jusaid bin Ali  
 (WAKIL KAWA KEMPELAN)  
 Haji Harun bin Tahir  
 (WAKIL TRUK PASU)

HADIR menurut Fasal XII(3) Undang-Undang Haji Haji  
 Kerajaan Terengganu (Bah Yang Pertama):

YANG BERTUJUAN SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Saib Hassan,  
 BMT, DMT, KJC, PK, BIR.  
 (Dato' Haji Abdul Rahman bin Hajar)

PERALIHAN UMUM-UMUM NEGARA

Enk Abdul Kadir bin Husin

PERALIHAN KEMANG NEGARA

Dato' Saib Hassan,  
 DMT, DMT, KJC, PK, BIR.  
 (Dato' Haji Omar bin Pinar)

TUNJUK BAHARU:

SETIAUSAHA BERKUALITI NEGARA  
 Enk Osman bin Mohd, PK.  
 (Pegawai Tadbir Negeri)



9 September 1990

DOA - Dibaca oleh  
YBM Dato' Yang Dipertua.

#### AHLI BARU MENGANGKAT SUMPAAH

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara yang berikut menurut Tertib Pekerjaan Dewan ialah AHLI BARU MENGANGKAT SUMPAAH.

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dukacita dimaklumkan iaitu Allahyarham Tuan Haji Mohamad bin Mohd.Min Wakil Kawasan Kijal telah meninggal dunia pada 5 Jun 1990. Bagi mengingati dan menghormati sahabat kita bekas Ahli Yang Berhormat itu saya meminta semua yang hadir bangun dan bagi yang beragama Islam menghadiahkan "FATIHAAH" menekala yang bukan beragama Islam BERTAFAKKUR kepada Allah Yarham Haji Mohamad bin Mohd.Min - AL-FATIHAAH

#### HADIRIN BANGUN MENGHADIAH FATIHAAH/BERTAFAKKUR

YANG BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said yang telah di pilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kijal pada 1 Ogos 1990 belum lagi mengangkat sumpah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu Darul Iman dan bagi menyempurnakan kehendak Fasal 45 Undangan- Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said di kehendaki terlebih dahulu mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri di hadapan saya sebelum di teruskan kepada tertib pekerjaan yang lain sebagaimana yang telah ditetapkan.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Encik Ahmad bin Said, Wakil Kawasan Kijal mengangkat Sumpah di hadapan YBM Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK AHMAD BIN SAID MENGANGKAT SUMPAAH  
MENJADI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DI HADAPAN YANG  
BERHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA

9 September 1990

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara berikut didalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Titah Ucapan Di Raja.

BENTARA MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN

YBM DATO' YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

BERARAK KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

BENTARA MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YBM DATO' YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

DYTM YANG DIPERTUAN MUDA SERTA

PENGIRING-PENGIRING BERANGKAT

KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

SETIAUSAHA DEWAN: Duli Yang Teramat Mulia Yang Dipertuan Muda mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan akan bertitah.

9 September 1990

YANG AMAT BERHORMAT DATO' TAN SRI MENTERI BESAR MEMPERSEMBAHKAN  
SURAT TITAH DI RAJA

DULI YANG TERAMAT MULIA YANG DIPERTUAN MUDA: Saya dititah menyampaikan perasaan dukacita Seri Peduka Ayahanda saya kerana tidak dapat berangkat hadir untuk merasmikan Persidangan Dewan pada kali ini. Saya juga telah dititah untuk menyampaikan Titah Ucapan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Dewan ini.

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirrahmanirrahim  
Wabihi Nastain

Yang Berhormat  
Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri dan  
Yang Berhormat  
Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Sempena dengan Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ke Tujuh, Beta mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan keizinan dan taufikNya dapat diadakan Majlis pada hari ini. Beta juga melahirkan kesyukuran diatas segala rahmat dan nikmat yang Allah kurniakan kepada Kerajaan dan rakyat Beta.

Beta berasa sukacita bahawa Kerajaan Beta yang dipimpin oleh Dato' Seri Amar Di Raja, Tan Sri Wan Mokhtar bin Ahmad terus dapat membawa kemajuan kepada Negeri Terengganu Darul Iman. Pada tahun 1990 ekonomi negeri ini dijangka terus berkembang pada kadar 12.2%, kadar pertumbuhan ini adalah lebih baik dari perkembangan tahun 1989.

Tahun 1990 ini merupakan tahun terakhir bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan tahun hadapan kita akan melangkah ke tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Sebelum kita tinggal Rancangan Malaysia Kelima Beta berpendapat eloklah di tinjau tentang kemajuan yang dicapai di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Beta berasa sukacita bahawa pada keseluruhannya ekonomi Negeri Terengganu Darul Iman telah berkembang sebanyak 9.1% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kemajuan yang memuaskan berlaku dalam sektor kemudahan awam sebanyak 16.1% setahun, pembuatan dan perkilangan sebanyak 13.7% setahun, pengangkutan dan perhubungan sebanyak 11% setahun dan perlombongan dan kuari sebanyak 10.9% setahun.

Kemajuan yang tinggi dicapai dalam sektor kemudahan awam dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan bahawa Kerajaan Beta sentiasa memberi

perhatian utama dalam menyediakan kemudahan bagi kesejahteraan rakyat Beta. Kemudahan jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik, talipon, kemudahan pendidikan, kesihatan, riadah dan beribadat sentiasa dipertingkatkan oleh Kerajaan untuk kesenangan rakyat menurut keperluan semasa. Disamping itu kemudahan yang lengkap dapat menarik pelaburan swasta di negeri ini terutama dalam bidang perindustrian dan perdagangan.

Usaha-usaha Kerajaan untuk memperbagaikan asas ekonomi negeri dari terlalu bergantung kepada aktiviti pertanian kepada perindustrian telah kelihatan berhasil dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini. Berbagai galakan dan promosi yang telah dijalankan oleh Kerajaan telah memberi kesan yang positif. Dalam tahun 1990 ini sahaja Kerajaan telah dapat menarik pelaburan kira-kira \$400 juta dalam bidang elektronik, perabot, tekstil, pelancongan dan pengeluaran berasaskan besi-waja. Kesemua kilang perusahaan ini akan dapat menyediakan 3,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Beta. Beta berharap rakyat Beta akan mengambil bahagian yang positif terhadap peluang-peluang yang telah disediakan itu. Rakyat Beta hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran yang sesuai bagi memenuhi jawatan-jawatan yang wujud dari kilang dan projek yang ditubuhkan di Negeri ini. Beta juga berharap supaya pengusaha-pengusaha berkenaan memberi peluang utama kepada rakyat Beta untuk menceburkan diri dalam perusahaan mereka. Pengusaha-pengusaha ini seharusnya mengadakan sekim latihan bagi rakyat Beta supaya dapat mereka melengkapkan diri dengan kemahiran yang diperlu untuk bekerja dalam kilang dan projek perusahaan itu. Kepada Beta, tidak ada maknanya kilang dan projek perusahaan ditubuhkan di Negeri Terengganu Darul Iman sedangkan rakyat Beta hanya menjadi pemerhati sahaja dan kadar penganggoran kekal di tahap yang tinggi di negeri ini. Dalam Ucapan Beta yang lepas kepada Dewan ini Beta telah menyebut tentang faedah daripada mengambil pekerja dari penduduk tempatan oleh pengusaha-pengusaha yang menubuhkan projek mereka di Negeri Terengganu Darul Iman. Beta ingin menekankan sekali lagi bahawa pengambilan pekerja dari rakyat tempatan akan menjimatkan kos kepada pengusaha dan mengurangkan masalah sosial akibat dari keadaan kadar penganggoran yang tinggi.

Disebaliknya pula, rakyat Beta hendaklah sanggup merebut peluang-peluang ini dan bekerja dengan kilang perusahaan dan projek pelancongan yang terdapat dalam negeri ini. Masih lagi terdapat sikap dikalangan rakyat Beta bahawa bekerja di kilang dianggap sebagai rendah kedudukannya berbanding dengan bekerja di Jabatan Kerajaan. Sikap sedemikian hendaklah diubah kerana bekerja di kilang adalah sama sahaja kedudukannya. Kesemuanya adalah mata pencarian yang diredzai Allah.

Menyentuh tentang pencapaian pelaksanaan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Beta berasa sukacita bahawa pencapaiannya adalah memuaskan. Daripada peruntukan \$2,066 juta yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah \$1,240 juta atau 60% telah dibelanjakan sehingga bulan Jun 1990. Menjelang akhir tahun 1990 ini adalah

dianggarkan 65% daripada peruntukan itu dapat dibelanjakan. Dengan prestasi yang agak baik itu bersekali dengan pemulihan keadaan ekonomi maka kadar kemiskinan di negeri ini telah berkurangan. Dalam tahun 1987 kadar kemiskinan di Negeri Terengganu Darul Iman berada pada paras 36.2% dan pada masa ini telah berkurangan kepada 31%. Perangkaan ini menunjukkan satu pencapaian yang memuaskan hasil dari kerjasama yang erat diantara sektor awam dan swasta yang meninggikan taraf hidup rakyat Beta keseluruhannya. Namun demikian, kadar kemiskinan sebanyak 31% dikalangan penduduk negeri ini adalah paras yang masih tinggi. Beta berharap semua pihak akan terus berusaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini terutama dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam yang akan bermula pada tahun 1991. Sekali lagi Beta menyeru kepada rakyat Beta supaya sama-sama berusaha dan merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan dalam perkembangan ekonomi ini. Tanah-tanah terbiar misalnya patut diusahakan dan perkhidmatan sokongan dijalankan bagi menampung keperluan kilang-kilang perusahaan yang wujud di Negeri Terengganu Darul Iman.

Pada masa ini suasana ekonomi negara kita berada dalam keadaan memuaskan. Keadaan ekonomi yang baik ini tidak kekal selama-lamanya. Lazimnya ia mempunyai edaran naik turun dalam satu tempoh yang memakan masa selama lima tahun. Tanda-tanda bagi edaran ini menurun telah kelihatan dengan wujudnya kejatuhan harga barangan keluaran utama negara kita. Harga getah misalnya telah turun dari \$2.62 sekilogram pada tahun 1989 kepada \$2.27 sekilogram pada suku pertama tahun 1990. Begitu juga dengan harga minyak kelapa sawit yang telah jatuh dari \$822 satu metrik tan dalam tahun 1989 kepada \$675 satu metrik tan dalam suku tahun pertama tahun 1990. Angka tunjuk ini seharusnya diambil perhatian oleh semua pihak tentang suasana kemelesetan ekonomi akan wujud dan mengambil langkah untuk berjimat cermat. Perbelanjaan sektor awam dan swasta hendaklah lebih tertumpu kepada pelaburan yang boleh mempergiatkan pembangunan ekonomi negeri ini dan tidak terlalu tinggi dalam perbelanjaan penggunaan.

Menyentuh tentang Rancangan Malaysia Keenam yang akan bermula tahun hadapan, Beta berasa sukacita bahawa penyediaan rancangan lima tahun itu diperingkat negeri telah selesai dijalankan dan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan bagi pertimbangan dan kelulusan. Matlamat Kerajaan Negeri dalam merangka Rancangan Malaysia Keenam adalah untuk meninggikan pendapatan dan taraf hidup seluruh penduduk Negeri Terengganu Darul Iman dengan berasaskan kepada pertumbuhan yang seimbang dan membentuk suasana kesejahteraan Insan. Perancangan pembangunan ini adalah berdasarkan kepada pembangunan seimbang iaitu seimbang diantara pembangunan Insan dengan pembangunan Fizikal, seimbang diantara pembangunan sektor ekonomi dan seimbang diantara pembangunan kawasan. Dengan dasar sedemikian rancangan pembangunan negeri akan meliputi semua golongan penduduk dan kawasan dalam negeri ini. Berasaskan kepada matlamat dan dasar pembangunan tersebut itu maka anggaran peruntukan perbelanjaan pembangunan yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah sebanyak \$5,350 juta. Dari jumlah ini sebanyak \$4,108 juta dicadangkan dari peruntukan Kerajaan Persekutuan, \$986 juta dari sumber Kerajaan Negeri dan

bakinya dari pinjaman institusi-institusi kewangan. Anggaran peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tempoh 1991 hingga 1995 ini adalah selaras dengan perakuan Kajian Pelan Induk Negeri Terengganu Darul Iman supaya ekonomi negeri ini dapat berkembang pada kadar 7% setahun. Beta berharap Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan kewangan yang saksama bagi pembangunan Negeri Terengganu Darul Iman dibawah Rancangan Malaysia Keenam nanti supaya negeri ini dapat membangun selari dengan negeri-negeri yang lebih maju di Malaysia ini.

Rancangan untuk pembangunan dalam tempoh lima tahun yang akan datang telah diatur. Diantara faktor yang penting bagi menjamin pelaksanaan rancangan-rancangan itu berjalan dengan lancar adalah keamanan dalam negeri. Ancaman terhadap keamanan dalam negeri boleh berpunca dari anasir luar dan anasir dalam. Semua anasir-anasir yang cuba mengancam keamanan dalam negeri ini hendaklah dihapuskan. Anasir-anasir yang cuba memecahbelahkan rakyat Beta sama ada berlandaskan kaum, ugama, parti politik dan lain-lainnya perlu dihindarkan. Angkatan Tentera, Polis dan lain-lain agensi kerajaan yang berkenaan sentiasa mengambil langkah memerangi anasir-anasir ini. Anasir-anasir luar yang mengancam keamanan dalam negeri mungkin lebih mudah dikenalpasti dan dihapuskan berbanding dengan anasir-anasir dalaman. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk rakyat jelata untuk memainkan peranan bagi memusnah anasir-anasir ini. Lebih-lebih lagi rakyat Beta hendaklah sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir ini agar tidak terjerumus dalam tindak tanduk mereka untuk memecahbelahkan sesama kita sendiri. Sejarah telah membuktikan bahawa pecahbelah antara penduduk dalam sesuatu negara pasti membawa kemusnahan negara itu sendiri. Akhirnya, negara itu dikuasai oleh kuasa luar dan penduduk tempatan terus menanggung kerugian. Beta ingin menegaskan bahawa semua pihak mestilah bertanggungjawab dalam tindakan masing-masing supaya keamanan dalam negeri sentiasa dikekalkan.

Selain daripada menumpu kepada pembangunan fizikal, Beta berasa sukacita bahawa Kerajaan Beta memberi perhatian yang saksama dalam pembangunan Insan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini. Program-program bagi melahirkan masyarakat beriman, berdisiplin, berpengetahuan dan berkualiti tinggi telah diatur melalui semua jabatan dan agensi kerajaan. Kemudahan tempat beribadat seperti masjid dan surau untuk meningkatkan syiar Islam sebagai ugama rasmi negeri ini sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Beta. Beta berharap rakyat Beta sentiasa mengguna dan menjaga tempat-tempat beribadat ini dengan sebaik-baiknya sebagaimana dikehendaki oleh Ugama Islam yang maha suci.

Demi untuk menjamin masa depan negeri ini khususnya bagi generasi yang akan datang apabila Negeri Terengganu Darul Iman kehabisan sumber minyak dan gasnya, maka Kerajaan Beta telah membuat keputusan untuk menubuhkan tabung warisan. Tabung ini akan mengumpul sebahagian daripada hasil yang diperolehi dari royalti minyak dan gas untuk dilaburkan bagi kegunaan generasi yang akan datang. Beta berpendapat langkah yang diambil oleh Kerajaan Beta itu adalah

9 September 1990

amat bijak kerana hasil daripada minyak dan gas tidak akan kekal buat selama-lamanya. Apabila punca hasil ini kehabisan maka hasil daripada pelaburan yang dibuat oleh tabung warisan ini akan menjadi pengganti kepada punca hasil kerajaan yang diperolehi dari minyak dan gas itu. Hasil tabung warisan itu akan dapat terus dipergunakan bagi pembangunan negeri untuk generasi yang akan datang.

Akhirnya, Beta mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, pihak Tentera dan Polis serta pihak swasta yang telah memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kesejahteraan Negeri Terengganu Darul Iman. Semoga usaha-usaha dan sumbangan yang murni ini akan diteruskan agar Negeri Terengganu Darul Iman akan terus maju dan rakyat Beta akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih selesa sekurang-kurangnya setanding dengan negeri-negeri maju yang lain. Kepada Allah Beta berdoa semoga sentiasa memberi petunjuk dan hidayahNya dalam semua urusan pembangunan dan kesejahteraan Negeri Terengganu Darul Iman.

SELAMAT BERSIDANG.

SURAT TITAH DI RAJA DISERAH BALIK KEPADA YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' TAN SRI MENTERI BESAR.

SETIAUSAHA DEWAN: Duli Yang Teramat Mulia Yang Dipertuan Muda berangkat dari  
Majlis Dewan Undangan Negeri.

BENTARA MESYUARAT  
SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YBM DATO' YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
DYTM YANG DIPERTUAN MUDA SERTA  
PENGIRING-PENGIRING BERANGKAT  
DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI

9 September 1990

BENTARA MESYUARAT  
SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN  
YBM DATO' YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BERARAK MASUK KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERTHORMAT MULIA DATO' YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,  
sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga pagi besok 27 Ogos 1989  
jam 9.30 pagi.

Saya mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat serta dif-dif jemputan ke Majlis  
Jamuan Ringan yang disediakan.

BENTARA MESYUARAT  
SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN  
YBM DATO' YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
BERARAK KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.52 PAGI.

Dis:070501/1-3.